**LAPORAN**
**MAJLIS KHATAM KHATAM AL-QUR’AN 1442H**
**POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN**

| PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|
| **Pelaksana** | Jabatan Pengajian Am bersama Masjid PIS dan Puspanita PIS |
| **Tarikh** | 06 Mei 2021 |
| **Hari** | Khamis |
| **Masa** | 09.00 pagi – 12.00 tengahari |
| **Tempat** | Masjid Politeknik Ibrahim Sultan |
| **Peringkat** | Jabatan |
| **Kumpulan Sasaran** | Staf dan kakitangan Politeknik Ibrahim Sultan |
| **Kejayaan/ Pencapaian** | - |
| **Ringkasan Perjalanan Program** | Majlis Khatam al-Qura’an ini dilaksanakan setiap tahun sempena kedatangan bulan yang mulia iaitu Ramadhan al-Mubarak. Majlis ini telah dilaksanakan pada 06 Mei 2021, anjuran Jabatan Pengajian Am bersama Masjid Politeknik Ibrahim Sultan serta PUSPANITA cawangan kecil Politeknik Ibrahim Sultan yang bertempat di Masjid Politeknik Ibrahim Sultan. Justeru itu, majlis ini diadakan bagi tujuan menghidupkan pembudayaan bacaan al-Qur'an di bulan Ramadhan, memberi peluang khususnya dalam memperbaiki bacaan al-Qur'an serta mewujudkan hubungan silaturahim dalam kalangan pensyarah dan staf Politeknik Ibrahim Sultan.<br><br>Walaupun masih dalam situasi pandemik Covid 19, Majlis Tadarus al-Quran masih dapat dilaksanakan dengan lancar menggunakan pelbagai medium antaranya Microsoft Teams, Google Meet mahu pun Group WhatsApp. Masing-masing diketuai oleh naqib dan naqibah daripada Jabatan Pengajian Am. Setiap ahli Kumpulan Tadarus yang mengambil bahagian diagihkan melalui Google Form dan diberikan tempoh selama |

| | |
|---|---|
| | seminggu untuk menyelesaikan bacaan al-Quran mengikut juzuk yang diberikan. Manakala Program Majlis Khatam al-Quran dilakukan secara bersemuka dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh KKM.<br><br>Impak program kepada staf dan kakitangan secara tidak langsung telah meningkatkan tahap pembacaan al-Quran yang betul, memberi ruang serta peluang kepada staf dan kakitangan Politeknik Ibrahim Sultan untuk saling menegur jika ada kesilapan dalam bacaan al-Quran (menegur dalam perkara kebaikan) serta menambah ilmu tentang bacaan al-Quran.<br><br>**TENTATIF**<br><br>09.00 - 09.20 pagi : Ketibaan peserta<br>09.15 pagi : Ketibaan tetamu jemputan<br>09.30 pagi : Program Quran Hour: Bacaan surah Ar-Rahman<br>10.00 pagi : Majlis Khatam al-Quran bermula<br>Diketuai oleh *Us. Mohd Hamdi bin Yaacob*<br>11.00 pagi : Tazkirah ringkas oleh Ustaz Hashim bin Mat Zin<br>11.30 pagi : Kata-kata Aluan Pengacara Majlis<br>Ucapan Timbalan Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan<br>*Hjh. Normala Binti Abdullah*<br>Penyampaian Cenderahati<br>12.00 tghri : Bersurai<br><br>Kehadiran peserta ke program ini berjumlah 55 orang yang terdiri daripada para pensyarah dan staf sokongan Politeknik Ibrahim Sultan. |
| **Objektif Program** | **OBJEKTIF**<br>• Menghidupkan pembudayaan bacaan al-Qur'an dalam kalangan pensyarah dan staf sokongna Politeknik Ibrahim Sultan.<br>• Memberi peluang kepada kakitangan Politeknik Ibrahim Sultan khususnya dalam memperbaiki bacaan al-Qur'an.<br>• Mewujudkan hubungan silaturahim antara para pensyarah dan staf sokongan |

| | |
|---|---|
| | Politeknik Ibrahim Sultan. |
| **Strategi Pelaksanaan** | 1. Tadarus al-Quran dilakukan 7 hari sebelumnya (29 April 2021) secara dalam talian menggunakan Microsoft Teams dan medium lain yang sesuai serta diketuai naqib dan naqibah JPA.<br>2. Pembahagian kumpulan tadarus dilakukan melalui Google Form.<br>3. Upacara Khatam al-Quran diketuai oleh seorang.<br>4. Majlis Khatam al-Quran dilaksanakan secara bersemuka dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh KKM. |
| **Masalah/ kekangan yang dihadapi** | Tiada masalah |
| **Alatan Bantu** | 1. Laptop<br>2. Lcd<br>3. Al-Quran |
| **Kos** | • Laporan kewangan ( lampiran 1 ) |
| **Impak Program** | **Kepada staf dan kakitangan :**<br>• Meningkatkan tahap pembacaan al-Quran yang betul dalam kalangan staf dan kakitangan Politeknik Ibrahim Sultan.<br>• Memberi ruang serta peluang kepada staf dan kakitangan Politeknik Ibrahim Sultan untuk saling menegur jika ada kesilapan dalam bacaan al-Quran (menegur dalam perkara kebaikan).<br>• Menambah ilmu tentang bacaan al-Quran. |
| **Dokumentasi** | • Gambar ( lampiran 2 )<br>• Surat kursus ( lampiran 3 ) |

| | |
|---|---|
| **Senarai nama peserta** | • Kehadiran peserta ( lampiran 4 ) |

## GAMBAR MAJLIS TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN 1442H















Aktiviti Tadarus yang diadakan secara dalam talian menggunakan Microsoft Teams yang diketuai oleh naqib & naqibah JPA.






Persiapan sebelum Majlis Khatam al-Quran diadakan serta penyediaan *goodies bag* kepada peserta.




Peserta Khatam al-Quran & para tetamu




Penyampaian cenderahati





Ucapan Timbalan Pengarah Akademik & penyampaian cenderahati